

Pelan A-Plus Health sedia perlindungan untuk enam jenis penyakit mental

Kuala Lumpur: AIA Bhd (AIA) memperkenalkan manfaat tambahan kepada pelan perubatan A-Plus Health bagi membolehkan rakyat Malaysia mendapatkan bantuan kesihatan mental.

Ketua Pegawai Pemasarannya, Heng Zee Wang berkata, ia sebahagian usaha syarikat membantu menangani isu kesihatan mental di Malaysia.

Beliau berkata, semua pelanggan A-Plus Health baharu dan sedia ada dapat menggunakan manfaat ini

tanpa sebarang peningkatan premium atau caj insurans.

“Pelanggan dapat menuntut sehingga RM1,500 setahun untuk membayar yuran perundingan psikiatri di hospital awam atau swasta.

“Manfaat ini meliputi enam keadaan kesihatan mental iaitu kecelaruan kemurungan utama, kemurungan selepas bersalin, Skizofrenia, kecelaruan bipolar, kecelaruan obsesif kompulsif dan Sindrom Tourette,” katanya.

Tinjauan Kesihatan dan Morbiditi Kebangsaan 2015 dijalankan Kementerian Kesihatan mendapati 4.2 juta rakyat Malaysia mengalami masalah kesihatan mental.

Heng berkata, penambahan manfaat perlindungan itu adalah komitmen AIA membantu rakyat Malaysia yang berdepan masalah kesihatan mental.

“Faktor yang mengekang rakyat Malaysia mendapatkan bantuan profesional adalah beban kewangan yang sering dikaitkan de-

ngan perundingan dan rawatan,” katanya.

Tambahnya, kesihatan mental menjadi cabaran kepada orang ramai dan industri kesihatan berikutan kurang data dan kefahaman.

“Langkah pertama yang ingin ditangani adalah mendapatkan rawatan yang menjadi halangan utama dalam proses pemulihan kesihatan mental.

“AIA berharap lebih ramai rakyat mengambil langkah pertama mendapatkan bantuan rawatan profesional,” katanya.